

PERATURAN AM

EDISI

2022



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KEJOHANAN OLAHRAGA PENDIDIKAN KHAS



KYPA KEMENTERIAN
PENDIDIKAN KHAS

BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Revised with effect from 2022

**PERATURAN AM
KEJOHANAN OLAHRAGA
PENDIDIKAN KHAS KEBANGSAAN**

1.0 UNDANG-UNDANG

Kejohanan ini dijalankan mengikut undang-undang Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM), Peraturan-Peraturan Am Sukan, Kokurikulum dan Kesenian Pendidikan Khas Kebangsaan, Peraturan-peraturan *International Paralympic Committee* (IPC) dan *International Blind Sports Federation* (IBSA), Deaflympics dan Peraturan Am Kejohanan Olahraga Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.

2.0 KATEGORI DAN HAD UMUR PESERTA

2.1 Kategori yang akan dipertandingkan adalah bagi peserta lelaki dan perempuan. Tiga kategori peserta adalah seperti berikut :

- | | |
|--------------------------------|----------------------------|
| 2.1.1 Kurang Upaya Pendengaran | menggunakan singkatan 'BD' |
| 2.1.2 Masalah Pembelajaran | menggunakan singkatan 'BP' |
| 2.1.3 Kurang Upaya Penglihatan | menggunakan singkatan 'BL' |

2.2 Kelayakan Peserta :

2.2.1 Kelayakan peserta Kejohanan Olahraga Peringkat Kebangsaan hanya untuk Warganegara Malaysia **SAHAJA**, murid BUKAN warganegara Malaysia digalakkan penyertaan diperingkat sekolah dan daerah.

2.2.2 Hanya Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan yang berada dalam sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (**APDM**) untuk tempoh sekurang-kurangnya 3 bulan LAYAK menyertai Kejohanan Olahraga Pendidikan Khas.

2.3 Had umur peserta-peserta :

2.3.1 **B19 (19 tahun dan ke bawah)**

2.3.2 **B15 (15 tahun dan ke bawah)**

2.3.3 **B12 (12 tahun dan ke bawah)**

2.4 Had umur peserta-peserta :

Kiraan umur adalah dikira berdasarkan tahun kelahiran dalam tahun pertandingan itu diadakan .

Contoh :

2.4.1 **Lahir pada 2007 layak menyertai kategori bawah 12 tahun kejohanan pertandingan yang diadakan pada tahun 2018**

2.5 Seseorang peserta hanya dibenarkan menyertai pertandingan dalam satu kumpulan umur sahaja bagi satu jenis pertandingan dalam masa yang sama kecuali sesuatu ketetapan khas dilakukan. (Seperti acara terbuka yang diwartakan semua peserta dari semua peringkat umur boleh menyertai tanpa menjejaskan penyertaannya dalam kategori peringkat umurnya tetapi penyertaannya diambil kira dalam jumlah penyertaan individunya)

2.6 Selain daripada yang disebutkan seseorang peserta **dibenarkan** menyertai pertandingan dalam kumpulan umur yang lebih tinggi daripada kumpulan umurnya.

2.7 Semua peserta perlu mempunyai Kad Pengenalan dan Kad OKU asal.. Sekiranya peserta tiada dokumen tersebut penyertaan mereka akan digugurkan atau dibatalkan.

3.0 JENIS-JENIS PERTANDINGAN DAN TIMBANGAN ALAT-ALAT PERTANDINGAN MENGIKUT KATEGORI

3.1 Acara-acara pertandingan: Kategori **B12, B15 DAN B19 (BD dan BP)**

BIL	ACARA	BP & BD					
		LELAKI			PEREMPUAN		
		B 12	B 15	B 19	B 12	B 15	B 19
1.	100 m	X	X	X	X	X	X
2.	200 m	X	X	X	X	X	X
3.	400 m	-	X	X	-	X	X
4.	4 x 100m	X	X	X	X	X	X
5.	4 x 400m	-	X	X	-	X	X
6.	4 x 100 m Mix Relay	-	-	X 2 atlet	-	-	X 2 atlet
7.	800 m	-	X	X	-	X	X
8.	1500m	-	X	X	-	X	X
9.	L Jauh	X	X	X	X	X	X
10.	L Tinggi	-	X	X	-	X	X
11.	L/Peluru	X 3kg	X 4kg	X 5kg	X 2kg	X 3kg	X 4kg
12.	L/Cakera	-	X 1kg	X 1.5 kg	-	X 1kg	X 1kg
13.	R/Lembing	-	X 600gm	X 700gm	-	X 500gm	X 600gm
	JUMLAH	5	12	14	5	12	14
JUMLAH BESAR		62					

3.2 Acara-acara pertandingan: Kategori **B12, B15 DAN B19 (BL)**

BIL	ACARA	BL					
		LELAKI B1 dan B2/3			PEREMPUAN B1 dan B2/3		
		B 12	B 15	B 19	B 12	B 15	B 19
1.	100 m	X	X	X	X	X	X
2.	200 m	X	X	X	X	X	X
3.	400 m	-	X	X	-	X	X
4.	4 x 100 m	-	Terbuka *1 B1 + 3 B2/3		-	Terbuka *1 B1 + 3 B2/3	
5.	L Jauh	X	X	X	X	X	X
6.	L/Peluru	X 3kg	X 4kg	X 5kg	X 2kg	X 3kg	X 4kg
7.	R/Lembing	-	X 600gm	X 700gm	-	X 500gm	X 600gm
	JUMLAH	4	6	7	4	6	7
JUMLAH BESAR		34					

4.0 HADIAH-HADIAH

- 4.1 Acara Individu : Tempat pertama hingga ketiga.
- 4.2 Acara Berpasukan : Tempat pertama hingga ketiga dengan lima orang peserta.

4.3 Johan kategori:

4.3.2 **B12, B15 dan B19** mengikut kategori - BD, BL B1, BL B2/3 dan BP

- 4.4 Olahragawan/Olahragawati
- 4.5 Johan Keseluruhan
- 4.6 Sijil : Sijil Penghargaan, Sijil Penyertaan dan Sijil Pencapaian.

5.0 CARA PERTANDINGAN

- 5.1 Setiap kontinjen adalah dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada **DUA** orang **(2)** peserta bagi setiap acara individu dan **SATU (1)** pasukan bagi acara lari berganti-ganti.
- 5.2 Bilangan maksimum penyertaan seorang peserta adalah seperti berikut

Kategori	Individu	Berpasukan
12 tahun ke bawah	3	1
15 tahun ke bawah	3	2
19 tahun ke bawah	3	2

- 5.3 Bagi acara yang kurang daripada **EMPAT (4) peserta dari 3 negeri yang berbeza**, penyertaan acara tersebut akan diteruskan dan pingat kemenangan akan diambil kira dalam pengiraan johan keseluruhan / kategori menggunakan :

- i. *"minus – one rule"* untuk **Dua (2)** atau **TIGA (3)** penyertaan NEGERI yang BERLAINAN (Bermaksud 3 penyertaan, hanya tempat pertama dan kedua sahaja diambil kira pingat

dan 2 penyertaan hanya johan sahaja diambil kira).

ii . “ Syarat mengatasi rekod ” untuk penyertaan **TUNGGAL**.

5.4 Setiap peserta BL1 dibenarkan seorang ‘*guide runner*’ dengan menggunakan tali (**mengikut standard paralimpik – IPC**) dan hanya dibenarkan berlari **seiring** dengan atlet. Jika *guide runner* didapati **menarik atlet dengan ketara** penyertaan atlet tersebut **DIBATALKAN**. Begitu juga jika ‘*guide runner*’ mendahului atlet digarisan penamat, kemenangan atlet tersebut **DIBATALKAN**.

5.5 Peserta **BL1 DIWAJIBKAN** memakai kain penutup mata (***Blind fold***) berwarna **HITAM** yang dibawa sendiri dan mendapat pengesahan dari Jawatankuasa Pengelola dan pada bila-bila masa boleh ditentukan keesahanya. Atlet juga **diwajibkan memakai kapas penutup mata (*eye patch*)** yang dibekalkan oleh pengelola.

5.6 Bagi acara **4 x 100m**, peserta **MESTI** lari dalam lorong masing-masing dan pertukaran baton **MESTI** dibuat dalam zon pertukaran baton. Selepas memberi baton (*changer over*) peserta-peserta hendaklah berada dalam lorong masing-masing sehingga pertukaran baton di tempatnya selesai supaya tidak mengganggu peserta lain.

5.7 Permulaan larian bagi acara pecut dengan mula dekam (*crouch start*) dengan menggunakan blok permulaan (*starting block*) adalah **diwajibkan**, kecuali peserta BL1.

5.8 Peserta acara balapan wajib menggunakan ‘*spike*’. Paku ‘*spike*’ yang dibenarkan ialah tidak melebihi 6mm untuk acara balapan dan 9mm untuk acara padang.

5.9 Tindakan pelepas antaranya:

5.9.1 Pelepas bagi peserta kategori BD, hendaklah menggunakan pistol dan bendera serta dilaksanakan oleh orang yang sama secara serentak.

5.9.2 Pelepas hendaklah berada di hadapan pada jarak yang boleh

dilihat oleh semua peserta. Bagi acara 100M BD, Pelepas hendaklah pastikan kedudukannya dapat dilihat khususnya atlet yang berada di lorong 8 (peserta tidak menoleh ke kiri dengan ketara sewaktu mulaan dekam).

5.10 Kedudukan bendera untuk melepaskan peserta **BD** mengikut ketetapan berikut:

5.10.1 Ke garisan - Buka tangan dari kedudukan 90° diturunkan ke 30° .

5.10.2 Sedia - Dari kedudukan tangan 30° , dinaikkan ke 160° .

5.10.3 Mula - Dari kedudukan 160° tangan diturunkan rapat ke tepi peha.

5.11 Saiz bendera pelepas ialah **297 mm x 420 mm** (mengikut standard KOM) dan berwarna jingga.

5.12 Apabila berlaku "*fault start*" untuk peserta BD, pengadil lorong hendaklah dalam kadar segera masuk ke dalam lorong untuk menahan peserta dari meneruskan larian.

5.13 Dalam setiap saringan, tidak dibenarkan negeri yang sama berada di dalam saringan berkenaan.

5.14 Lompat Jauh Kategori Bermasalah Penglihatan Kategori **BL 1**

5.14.1 Jika papan lonjak (*take off*) berada 1 meter atau kurang dari mula kawasan pendaratan, tepung hendaklah ditabur dalam lingkungan 1 meter persegi, bermula dari keseluruhan permukaan papan lonjak.

5.14.2 Dalam situasi 5.14.1, lompatan atlet dikira batal, jika melompat di luar hadapan papan lonjak (menyentuh plastisin).

5.14.3 Dalam situasi 5.14.1, jika atlet melompat sebelum kawasan lompatan (tepung), jarak yang diukur bermula pada permulaan garisan kawasan lompatan (*take-off area*).

5.14.4 Dalam situasi 5.14.1, jika atlet melompat di kawasan *take-off area*, pengadil hendaklah mengukur jarak lompatan bermula dari hujung bekas tapak yang berhampiran dengan kawasan pendaratan.

- 5.14.5 Jika papan lonjak berada lebih dari 1 meter dari mula kawasan pendaratan, tepung hendaklah ditabur dalam lingkungan 1 meter persegi bermula dari hadapan papan lonjak.
- 5.14.6 Dalam situasi 5.14.5, jika atlet melompat di belakang papan lonjak, pengadil hendaklah mengukur jarak lompatan atlet bermula dari hujung depan papan lonjak.
- 5.14.7 Dalam situasi 5.14.5, jika atlet melompat di hadapan kawasan lompatan (take-off area), lompatan atlet tersebut dikira batal.
- 5.14.8 Setiap atlet boleh menggunakan 1 guide – 1 di hadapan (kawasan pendaratan) atau dikawasan mula lompatan.
- 5.15 Acara Lompat Tinggi BD dan BP. Ukuran tinggi permulaan palang bagi acara lompat tinggi:
- 5.15.1 Kategori B15 dan B19 lelaki BD dan BP: 1.40 meter
Ketinggian palang : 1.40, 1.44, 1.48, 1.52, 1.55, 1.58, 1.61, 1.64, 1.66, 1.68, 1.70 dan seterusnya dengan kenaikan 2cm.
- 5.15.2 Kategori B15 dan B19 perempuan BD dan BP: 1.10 meter
Ketinggian palang : 1.10, 1.14, 1.18, 1.22, 1.25, 1.28, 1.31, 1.34, 1.36, 1.38, 1.42, 1.46, 1.50 dan seterusnya dengan kenaikan 4cm.
- 5.16 Bagi acara lompat tinggi, peserta tidak dibenarkan menggunakan pita pelekat atau lain-lain bahan sepertinya untuk menandakan di tempat take off. Peserta boleh menggunakan pita pelekat hanya di kawasan permulaan lompatan sahaja.

6.0 PENDAFTARAN PESERTA-PESERTA

- 6.1 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat **TIGA (3)** minggu sebelum kejohanan berlangsung dengan menggunakan **BORANG PENYERTAAN RASMI** yang dihantar oleh Jawatankuasa Pengelola. Butir-butir tentang seseorang peserta hendaklah dilengkapi dan disahkan oleh **Sektor Pendidikan Khas** di Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing.
- 6.2 Peserta-peserta yang hanya mengambil bahagian dalam acara lari berganti-ganti dikehendaki mendaftar juga.

7.0 PENGESAHAN PESERTA

7.1 PENGUNDIAN

- 7.1.1 Pengundian akan dijalankan oleh Jawatankuasa Pengelola 3 hari sebelum hari kejohanan dan keputusan adalah **MUKTAMAD**.

- 7.1.2 Sebarang penggantian tidak akan dilayan selepas pengundian.

7.2 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 7.2.1 Semasa taklimat untuk pengurus-pengurus pasukan, hanya penarikan diri peserta dibenarkan sahaja tanpa pengganti.

7.3 PENARIKAN DIRI SEMASA KEJOHANAN DIJALANKAN

- 7.3.1 Jika didapati seseorang peserta telah disahkan penyertaannya semasa Taklimat Pengurus-Pengurus Pasukan, tidak mengambil bahagian dalam sesuatu acaranya **KECUALI** jika dapat mengemukakan surat pengesahan sakit/cedera dari **Pegawai Perubatan Kejohanan**, peserta berkenaan tidak akan dibenarkan menyertai acara-acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.
- 7.3.2 Jika peserta menarik diri daripada mana-mana acara selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal **TANPA** surat pengesahan sakit/cedera dari **Pegawai Perubatan Kejohanan**,

adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftarkan atas namanya.

7.3.3 Seseorang peserta yang menarik diri daripada mana-mana acara atas nasihat Pegawai Perubatan Kejohanan, hanya boleh mengambil bahagian seterusnya dalam semua acara yang didaftarkan atas namanya dengan mengemukakan surat pengesahan daripada **Pegawai Perubatan Kejohanan** kepada **Pengurus Kejohanan**.

7.4 **PENGGANTIAN DALAM ACARA LARI BERGANTI-GANTI**

Penggantian bagi acara lari berganti-ganti, dihadkan kepada dua peserta yang didaftarkan dalam borang penyertaan rasmi.

8.0 **MELAPOR DIRI PESERTA**

8.1 Semua peserta hendaklah melaporkan diri **sekurang-kurangnya 30 minit** bagi acara balapan dan **45 minit** bagi acara padang, sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung. Selepas itu, mereka akan diiringi ke tempat pertandingan oleh Penyelia Peserta / *Marsyal*.

8.2 Peserta-peserta **TIDAK DIBENARKAN** melaporkan diri terus kepada Pegawai Teknik dalam arena pertandingan melainkan telah didaftarkan terlebih dahulu atas acara tersebut dan acara berlangsung pada masa yang terlalu hampir.

8.3 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor-nombor mereka mesti disematkan dengan pin setiap 4 penjuru di baju lari masing-masing dihadapan dan dibelakang kecuali bagi acara lompat tinggi di mana peserta hanya pemakaian nombor dibahagian hadapan.

8.4 Apabila melaporkan diri untuk tiap-tiap acara, setiap peserta mesti menunjukkan "**TAG PENGENALAN RASMI DAN KAD OKU** " kepada Pegawai Pengesahan Peserta yang diwakili atau sesiapa yang dilantik oleh Bahagian Pendidikan Khas. Sekiranya arahan ini tidak dipatuhi,

peserta berkenaan **TIDAK AKAN DIBENARKAN** menyertai acara tersebut.

- 8.5 Peserta yang lewat melaporkan diri, iaitu 15 minit sebelum acara mereka dimulakan, **TIDAK AKAN DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam acara tersebut dan akan dianggap telah menarik diri.

9.0 **PROSEDUR MASUK DAN KELUAR ARENA PERTANDINGAN**

- 9.1 Peserta-peserta hendaklah berbaris apabila dibawa masuk dan keluar daripada arena pertandingan diiringi oleh Penyelia Peserta atau guru pengiring yang memakai '**TAG PENGENALAN TERTENTU / BIB** (jika diminta oleh pegawai teknikal sahaja) 2 tag tersebut akan disediakan untuk setiap kontinjen sebagai pas bagi membawa **atlet BL1** sahaja. Guru pengiring yang memakai tag pengenalan/bib dibenarkan masuk ke arena pertandingan bagi acara kurang upaya penglihatan atau jika diperlukan oleh pegawai teknikal untuk membantu. Pegawai teknikal boleh mengarahkan jurulatih atau guru pengiring keluar dari arena pertandingan pada bila-bila masa jika perlu.
- 9.2 Bagi acara balapan, selepas sesuatu acara itu tamat, peserta-peserta hendaklah berada di lorong masing-masing, berpusing balik dan menghadap hakim-hakim balapan untuk menunjukkan nombor mereka dan balik ke tempat rehat peserta dengan serta-merta selepas itu.

10.0 **MEMANASKAN BADAN**

Peserta-peserta hanya dibenarkan memanaskan badan di tempat yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola.

11.0 **PENENTUAN KE ACARA PERINGKAT AKHIR**

11.1 **BAGI ACARA KURANG UPAYA PENGLIHATAN (BL)**

- 11.1.1 Peserta berdasarkan masa terbaik (tiada saringan)
- 11.1.2 Peserta yang mencatatkan masa terbaik akan dikira pemenang.
- 11.1.3 Giliran berlepas adalah berdasarkan undian.

11.2 BAGI ACARA KURANG UPAYA PENDENGARAN (BD) DAN MASALAH PEMBELAJARAN (BP)

11.2.1 EMPAT SEPARUH AKHIR

Empat pemenang separuh akhir dan empat orang peserta yang mencatat masa terbaik akan ke peringkat akhir.

11.2.2 TIGA SEPARUH AKHIR

Dua peserta pemenang dari setiap separuh akhir dan dua orang peserta yang mencatat masa terbaik layak ke pertandingan peringkat akhir.

11.2.3 DUA SEPARUH AKHIR

Tiga peserta pemenang setiap separuh akhir dan dua peserta yang mencatat masa yang terbaik layak ke pertandingan peringkat akhir.

11.2.4 Jika terdapat bilangan peserta yang mencatat masa terbaik lebih daripada bilangan yang dihadkan di atas maka penentuan kelayakan akan bergantung kepada kedudukan peserta. Jika berlaku kedudukan yang sama, cabutan undi akan dilakukan oleh Juri Rayuan.

11.3 Semua pengundian lorong untuk acara peringkat akhir semasa kejohanan dijalankan, akan dilakukan oleh Jawatankuasa Kecil Pertandingan Dan Perangkaan berdasarkan keputusan semasa saringan dengan pengawasan atau penyeliaan Juri Rayuan.

12.0 PENENTUAN PESERTA TERBAIK

12.1 KATEGORI PESERTA TERBAIK

12.1.1 Peserta terbaik lelaki dan perempuan mengikut kategori :

- BD, BP, BL

12.2 PESERTA TERBAIK DAN JOHAN KATEGORI

12.2.1 Hadiah peserta terbaik dan johan kategori akan diberi berdasarkan pencapaiannya mencatat rekod baharu di Kejohanan Olahraga Pendidikan Khas Kebangsaan.

12.2.2 Sekiranya tiada rekod baharu dibuat, jumlah pungutan pingat emas dalam acara individu akan diambil kira.

12.2.3 Sekiranya pungutan emas masih sama, pungutan pingat perak dan seterusnya gangsa dalam acara individu akan diambil kira.

12.2.4 Sekiranya kedudukan masih sama, maka peserta berkenaan akan diisytiharkan sebagai peserta terbaik SECARA bersama.

13.0 JOHAN KATEGORI

Johan bagi setiap kategori akan ditentukan dengan jumlah pungutan pingat **EMAS** dalam kategori berkenaan. Piala akan diberikan untuk johan kategori:

- i. Kurang Upaya Pendengaran
- ii. Kurang Upaya Penglihatan
- iii. Masalah Pembelajaran

14.0 JOHAN KESELURUHAN

14.1 Johan keseluruhan akan ditentukan dengan jumlah pungutan pingat **emas**.

14.2 Jika berlaku seri, kiraan tersebut diambil kira berdasarkan pingat **perak** dan **gangsa**.

14.3 Sekiranya sama juga, maka johan SECARA bersama akan diisytiharkan.

15. HURUF DAN NOMBOR PENGENALAN DIRI PESERTA

15.1 Jawatankuasa Pengelola akan menyediakan nombor pengenalan diri peserta mengikut negeri.

15.2 Warna kain dan nombor:

15.2.1 Kategori umur B12 - Nombor warna biru atas kain putih

15.2.2 Kategori umur B15 - Nombor warna merah atas kain putih

15.2.3 Kategori umur B19 - Nombor warna hitam atas kain putih

15.3 Senarai negeri dan nombor peserta :

BIL	NEGERI	KOD	NOMBOR
1.	PERAK	A	
2.	SELANGOR	B	
3.	PAHANG	C	
4.	KELANTAN	D	
5.	SABAH	E	
6.	JOHOR	J	
7.	WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	L	
8.	KEDAH	K	
9.	MELAKA	M	
10.	NEGERI SEMBILAN	N	
11.	PULAU PINANG	P	
12.	PERLIS	R	
13.	SARAWAK	S	
14.	TERENGGANU	T	
15.	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	W	
16.	WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA	F	

15.4 Contoh nombor :

M 550

16. **BANTAHAN**

Segala bantahan hendaklah dibuat mengikut peraturan KOM kecuali perkara-perkara berikut:

- 16.1 Jika masalah bantahan berkenaan **kelayakan (status)** seseorang peserta tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan dimulakan maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan. Perkara tersebut akan dikemukakan kepada **Jawatankuasa Penganjur** kemudian.
- 16.2 Bantahan-bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan, hendaklah dilakukan dengan serta merta dan tidak lewat daripada:
 - i. 15 minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara peringkat awal;
 - ii. 30 minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara peringkat akhir.
- 16.3 Sebarang bantahan bertulis kepada Juri Rayuan mesti disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM 300.00**.
- 16.4 Bilangan Juri: sekurang-kurangnya 3 orang (surat lantikan akan disediakan oleh **Jawatankuasa Penganjur**).

17.0 **HAK JAWATANKUASA PENGELOLA**

- 17.1 Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan. Tetapi jawatankuasa pengelola dengan persetujuan **Pengerusi Teknik Pembangunan Sukan (PTPS) Olahraga Pendidikan Khas Kebangsaan** berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pindaan, pengurus-pengurus pasukan akan diberitahu SEGERA.
- 17.2 Jawatankuasa Pengelola **TIDAK DIBENARKAN** meminda segala Peraturan Am Olahraga Pendidikan Khas, **TANPA** mendapat kelulusan bersama daripada Jawatankuasa Penganjur dan PTPS.

- 17.3 Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab atas kemalangan, kematian, kecacatan anggota, kecederaan atau kehilangan harta benda walaupun beberapa persediaan dan langkah-langkah keselamatan telah diambil oleh jawatankuasa Pengelola, semasa perjalanan pergi dan balik ke tempat penginapan, ke stadium atau *venue* pertandingan dan sebaliknya. Ia termasuklah:
- i. Semasa kejohanan dijalankan
 - ii. Di dalam dan di luar kawasan stadium
 - iii. Di tempat-tempat pertandingan.

- TAMAT -

DIKEMASKINI 23 MAC 2022